

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Peruntukan Belanjawan Pembangunan Bulanan Kerajaan diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan Pembangunan Kerajaan diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 kerana ia melibatkan pengagihan sumber kewangan mengikut program-program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang akan dilaksanakan dalam tahun hadapan belanjawan. Belanjawan ini juga mengandungi maklumat bagaimana dan berapa banyak hasil yang dikutip untuk membiayai program, aktiviti dan projek yang dirancang. Sehubungan itu, peruntukan pembangunan Kerajaan diklasifikasikan di bawah akta ini untuk mengelakkan kebocoran rahsia rasmi kerajaan. Insiden kebocoran rahsia rasmi Kerajaan sebelum sesuatu pengumuman rasmi dilakukan oleh Kerajaan boleh memberi implikasi kepada keputusan Kerajaan dan mampu mendatangkan kemudaratan kepada keselamatan, pertahanan, kewangan dan kredibiliti Kerajaan. Selain itu, kerahsiaan maklumat operasi/ senarai projek pembangunan juga perlu dipelihara bagi mengelak berlaku spekulasi terhadap ekonomi negara. Walau bagaimanapun, setelah bajet tahunan dibentangkan di Parlimen dan diterbitkan maka ia adalah maklumat umum dan bukan lagi diklasifikasikan sebagai rahsia. Sekian, terima kasih.